

02 MAR 2000

Wartawan-Kelab

KL AKAN ADA KELAB AKHBAR ANTARABANGSA TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Harapan ramai wartawan asing yang bertugas di Malaysia untuk mempunyai kelab mereka sendiri, iaitu sesuatu yang biasa di kebanyakan bandaraya besar, bakal menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata sudah tiba masanya bagi Kuala Lumpur untuk mempunyai sebuah kelab wartawan asing memandangkan ibu negara Malaysia ini sudah menjadi "cukup penting" hingga menarik kunjungan ramai wartawan dari seluruh dunia.

Sambil berjanji akan mempercepatkan penubuhan kelab itu, Khalil berkata ia akan memudahkan tugas wartawan asing dan kerajaan dalam memberikan berita pihaknya untuk memastikan laporan yang seimbang mengenai Malaysia.

"Ia adalah satu cadangan yang konstruktif dan saya pasti kepimpinan negara akan memberikan kebenaran. Yang perlu ialah menentukan logistik bagi penubuhan kelab itu," katanya kepada kira-kira 50 pewarta asing semasa jamuan teh di Hotel Hilton di sini.

Khalil berkata sebagai Menteri Penerangan, beliau akan memberikan sokongan penuh kepada penubuhan kelab itu.

Beliau berkata terdapat perlu ada interaksi antara wartawan asing dan kerajaan bagi membolehkan mereka membuat laporan mengenai Malaysia dalam cara yang lebih adil.

Khalil memberitahu Bernama kemudian bahawa beliau akan mencadangkan kepada kerajaan supaya menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau untuk pewarta asing bagi menarik lebih banyak pertubuhan media antarabangsa untuk beroperasi di sini.

Beliau berkata ini adalah langkah yang baik berdasarkan bilangan pertubuhan media antarabangsa yang bertambah di negara ini.

Terdahulu, semasa sesi soal jawab dengan para wartawan asing itu, Khalil, yang juga Setiausaha Agung Umno, berkata beliau yakin majoriti Umno bahagian akan mematuhi keputusan "tiada pertandingan" Majlis Tertinggi bagi jawatan presiden dan timbalan presiden parti pada pemilihan Mei ini.

"Pemilihan bahagian Umno sudah pun bermula hari ini dan setakat ini tiada calon yang menyatakan bahawa mereka akan bertanding dua jawatan tertinggi parti itu. Berdasarkan tradisi Umno, jika ada calon, mereka sudah diketahui sekarang," katanya.

Majlis Tertinggi Umno telah menasihatkan mesyuarat 165 bahagian sehingga akhir bulan ini supaya membuat pencalonan bagi jawatan Majlis Tertinggi, untuk mencalonkan hanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan presiden dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi timbalan presiden pada pemilihan 11 Mei ini.

Khalil berkata: "Memang ada cakap-cakap mengenai calon lain mahukan satu daripada jawatan tertinggi itu tetapi ini adalah hanya satu andaian. Saya tidak mahu cakap mengenai andaian."

Apabila diberitahu oleh seorang wartawan asing bahawa maklum balas yang diterima nampaknya mencadangkan perkara itu, beliau berkata: "Itulah masalahnya dengan maklum balas. Itu hanyalah maklum balas dan kebanyakan maklum balas itu hanya dari Lembah Klang di mana ia mempunyai kira-kira 20 bahagian Umno."

Lembah Klang merujuk kepada kawasan sekitar Kuala Lumpur dan pinggir bandar.

"Walaupun ia hanyalah satu nasihat, ia adalah nasihat daripada kepimpinan parti, dan dalam Umno, kami selalunya tidak "lawan tauke","

katanya.

-- BERNAMA

AU NAK